

Headline	FRIM sasar produk buluh ganti kayu getah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	105 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,381
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,143



FRIM sasar produk buluh ganti kayu getah

KUALA TERENGGANU 4 Dis. - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam rangka mengkomersialkan produk berasaskan tanaman buluh bagi memberi alternatif kepada industri agar tidak hanya menumpukan kepada penghasilan produk daripada kayu getah.

Ketua Unit Reka Bentuk FRIM, Dr. Abd. Hamid Saleh berkata, pihaknya menyasarkan tumbuhan botani dalam kategori rumput itu sebagai bahan ganti kepada kayu getah yang kini merupakan sumber utama dalam menghasilkan pelbagai perabot.

Katanya, untuk tujuan itu, sebuah ladang buluh betong seluas 10 hektar telah dibuka di Pedas, Negeri Sembilan sebagai ladang perintis dalam usaha FRIM menjalankan penyelidikan tanaman itu untuk jangka masa panjang.

"Ketika ini, negara bergantung lebih 80 peratus terhadap sumber bekalan kayu getah untuk pengha-

silan perabot, justeru itu, menjadi tanggungjawab FRIM untuk mencari alternatif sumber bekalan lain dan terbaru kita berjaya melakukan inovasi dari pada buluh.

"Untuk projek ini, kita tidak menggunakan kaedah biasa seperti mana pihak industri menghasilkan perabot buluh, sebaliknya kaedah *hot press* untuk mendapatkan struktur buluh yang lebih baik dan berkualiti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemerita dalam Bengkel Teknologi Penghasilan Reka Bentuk Inovatif Secara Bersepadu 2013 yang dirasmikan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Dr. Khalil Aziz Hamzah di sini hari ini.

Pada majlis itu juga, buku Khazanah Warisan Alam Semula Jadi: Koleksi Produk dan Artifak FRIM yang mengetengahkan 50 artifak lama yang terdapat di galeri FRIM turut dilancarkan.